

Fokus intensif modal pelaburan jangka panjang

Kuala Lumpur: Negara disifatkan tidak berada pada landasan yang betul untuk keluar daripada ekonomi berintensifkan buruh jika terus menyediakan peluang pekerjaan ke arah itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Ahmad Yazid Othman, berkata Malaysia seharusnya tidak terlalu bergantung kepada sistem ekonomi berasaskan eksport kerana ia menyebabkan negara perlu terus meletakkan kebergantungan yang tinggi terha-

dap pekerja asing.

Sebaliknya beliau berkata, sudah tiba masanya negara memfokuskan kepada intensif modal bagi pelaburan jangka masa panjang berbanding sistem berasaskan buruh.

“Perlu dihentikan penekanan pada ekonomi berorientasikan eksport dengan menyeimbangkannya supaya kita tidak terlalu bergantung terhadap ekonomi itu, sekali gus terpaksa mengalah dengan dasar merugikan kita.

“Ekonomi berasaskan eksport menyebabkan ada tekanan luar biasa bagi menyebabkan kos buruh sentiasa rendah.

“Bila kos buruh rendah rakyat kita tidak sanggup bekerja dan kita terus mengharap tenaga kerja asing,” katanya kepada *BH*, di sini.

Beliau berkata demikian mengulas laporan *BH* lebih 60 peratus peluang pekerjaan yang dicipta di negara ini adalah berpaksikan pekerjaan separa mahir dan berkemahiran rendah yang menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada pekerja asing untuk mengisinya.

Pada masa sama, Ahmad Yazid berkata, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) perlu menentukan arah tuju ekonomi negara sama ada berorientasikan industri eksport ataupun berdasarkan penggunaan tempatan.

Katanya, majikan juga perlu

memainkan peranan dengan tidak hanya mengambil jalan mudah mendapatkan margin tinggi dengan mengerahkan tenaga kerja asing sedangkan mereka boleh melabur dalam teknologi tinggi bagi menarik minat pekerja tempatan dalam sektor dimonopoli buruh asing.

“Kalau kita mahu bergantung pada tenaga kerja asing pun, perlu hanya fokus kepada satu bidang seperti perladangan, namun perlu ada juga usaha untuk meningkatkan tahap pekerjaan itu dengan penggunaan teknologi tinggi,” katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Nor Wahiza Abdul Wahat, berkata institusi pendidikan dalam negara wajar melaksanakan kolaborasi strategik dengan pihak swasta bagi melahirkan lebih ramai pekerja tempatan khususnya dalam bidang teknikal dan vo-

kasional yang dimonopoli buruh asing.

Katanya, usaha itu juga mampu memantapkan permodalan insan di negara ini, sekali gus meningkatkan lagi peluang pekerjaan dalam kalangan warga tempatan berbanding buruh asing.

“Kolaborasi strategik antara institusi pendidikan seperti sekolah, kolej komuniti, politeknik dan universiti awam serta swasta bersama program seperti MyFuture Jobs Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah penting ke arah melahirkan lebih ramai pekerja tempatan di dalam bidang teknikal dan vokasional bagi memenuhi keperluan tenaga khususnya menjelang revolusi industri 4.0 (IR 4.0), sekali gus bagi menggantikan kebanjiran buruh asing.

“Kesedaran wajar ditingkatkan bahawa berbekalkan kepakaran yang sangat berharga, golongan ini mampu memenuhi permintaan tinggi di pasaran buruh tempatan,” katanya.

“Ekonomi berasaskan eksport menyebabkan ada tekanan luar biasa bagi menyebabkan kos buruh sentiasa rendah”

Ahmad Yazid Othman,
Ketua Pegawai Eksekutif Majlis
Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM)

